

Mesin pelupusan al-Quran jimat kos

Seremban: Bagi membendung aktiviti pembuangan naskah al-Quran yang usang di tempat tidak sepatutnya, Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) mengambil inisiatif memperkenalkan Mesin Pelupusan Penerbitan Islam yang menjimatkan kos serta mengikut hukum syarak.

Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan MAIJ, Samsudin Paimi berkata, aktiviti pembakaran teks al-Quran sebelum ini dilakukan syarikat swasta yang mengekalkan bayaran mahal.

Katanya, sehubungan itu MAIJ dengan kerjasama Universiti Tun Hussein Onn mereka khas mesin berkenaan pada Oktober tahun lalu.

Katanya, pihaknya membelanjakan hanya RM30,000 bagi mereka mesin terbabit.